A

Maria Chin bt Abdullah lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERMOHONAN JENAYAH NO 44–127–12 TAHUN 2015
MOHAMAD SHARIFF PK
18 APRIL 2016

C

Prosedur Jenayah — Pertuduhan — Permohonan untuk membatalkan — Sama ada mahkamah mempunyai kuasa untuk membatalkan pertuduhan — Sama ada pertuduhan dan pendakwaan terhadap pemohon dibuat mengikut undang-undang — Kanun Tatacara Jenayah ss 153, 154 & 173(c) — Perlembagaan Persekutuan perkara 145

D

Undang-Undang Jenayah — Perhimpunan aman — Notis perhimpunan — Keperluan memberikan sepuluh hari notis kepada polis daerah — Sama ada pemohon mengemukakan notis kepada polis daerah — Sama ada pertuduhan terhadap pemohon tidak berasas, mala fide, remeh, mengaibkan, menyusahkan dan penyalahgunaan proses mahkamah — Akta Perhimpunan Aman 2012 ss 9(1) & 9(5)

E

Undang-Undang Perlembagaan — Undang-undang — Keperlembagaan — Pemohon dituduh di bawah s 9(1) Akta Perhimpunan Aman 2012 dan boleh dihukum di bawah s 9(5) Akta yang sama — Sama ada pertuduhan terhadap pemohon bertentangan dengan perkara 7(1) dan 10(2)(b) Perlembagaan Persekutuan — Perlembagaan Persekutuan perkara 7(1) & 10(2)(b)

F

G

Pemohon yang merupakan Pengerusi Bersih 2.0 telah menganjurkan Bersih 4 yang diadakan di Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu pada 28 Ogos 2015 dan 30 Ogos 2015. Atas tujuan penganjuran ini, Bersih 2.0 telah memaklumkan kepada pihak polis secara bertulis melalui surat bertarikh 10 Ogos 2015 yang dialamatkan kepada Ketua Polis Negara tentang perarakan tersebut. Pada 3 November 2015, pemohon telah dituduh di mahkamah sesyen di bawah s 9(1) Akta Perhimpunan Aman 2012 ('Akta') yang boleh dihukum di bawah s 9(5) Akta yang sama atas kesalahan menganjur perhimpunan di Brickfields tanpa membuat pemberitahuan kepada polis daerah tersebut sepuluh hari sebelum perhimpunan tersebut diadakan. Sementara menunggu perbicaraan kes tersebut, pemohon memfailkan permohonan ini dan memohon kepada mahkamah agar pendakwaan dan pertuduhan terhadap pemohon dibatalkan atas alasan pada 29 Ogos 2015, s 9(5) Akta telah diisytiharkan oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Nik Nazmi bin Nik Ahmad v Public Prosecutor* [2014] 4 MLJ 157 ('Nik Nazmi')

H

I

sebagai tidak sah, batal dan tidak berperlembagaan dan pemohon tidak seharusnya dituduh secara retrospektif atas alasan yang sama. Isu-isu untuk penentuan adalah: (a) sama ada mahkamah boleh mengetepikan dan membatalkan pertuduhan terhadap pemohon dan sekali gus melepaskan dan membebaskan pemohon daripada pertuduhan tersebut; (b) sama ada pendakwaan dan pertuduhan terhadap pemohon dilakukan menurut peruntukan undang-undang; (c) sama ada pendakwaan dan pertuduhan terhadap pemohon di bawah s 9(1) Akta dan dihukum di bawah s 9(5) Akta bertentangan dengan perkara 7(1) dan 10(2)(b) Perlembagaan Persekutuan ('Perlembagaan'); dan (d) sama ada pertuduhan terhadap pemohon tidak berasas, mala fide, remeh, mengaibkan, menyusahkan dan penyalahgunaan proses mahkamah.

Diputuskan, menolak permohonan:

(1) Berdasarkan peruntukan s 173(c) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'), mahkamah tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk membatalkan apa-apa pertuduhan-pertuduhan jenayah sebelum perbicaraan dimulakan ataupun sebelum keterangan-keterangan dikemukakan di mahkamah. Tambahan pula, tiada terdapat apa-apa peruntukan dalam KTJ bagi membatalkan prosiding atau bagi pembebasan tanpa mendengar semua keterangan. Namun begitu, dalam keadaan yang amat jarang sekali mahkamah akan dan boleh menggunakan kuasa 'inherent powers' untuk membatalkan sesuatu pertuduhan yang dikenakan terhadap pemohon sekiranya wujud bukti-bukti yang sahih berlakunya suatu 'miscarriage of justice' yang mana pertuduhan-pertuduhan tersebut dibuat secara 'mala fide', 'oppressive' dan 'abuse of court process' (lihat perenggan 16–17 & 23).

(2) Berdasarkan kepada bentuk pertuduhan terhadap pemohon didrafkan menurut ss 153 dan 154 KTJ serta kuasa pendakwaan terletak di bawah kuasa peguam negara selaku pendakwa raya menurut perkara 145 Perlembagaan, pertuduhan dan pendakwaan kes terhadap pemohon di mahkamah sesyen dikatakan tidak dibuat menurut undang-undang, adalah jauh menyimpang ('too remote') dan tiada justifikasi (lihat perenggan 34).

(3) Dalam kes ini, Akta tersebut telah mula berkuatkuasa mulai 23 April 2012 dan pertuduhan ke atas pemohon merujuk kepada perbuatan jenayah yang dilakukan oleh pemohon pada 29 Ogos 2015, iaitu selepas penguatkuasaan Akta. Dalam hal ini, tarikh permulaan kuatkuasa statut hendaklah dibandingkan dengan tarikh kesalahan dilakukan atau kesalahan diwujudkan bagi maksud perkara 7(1) Perlembagaan. Tarikh suatu keputusan Mahkamah Rayuan mengenai tafsiran undang-undang terhadap s 9(5) Akta bukan ukuran yang ditetapkan di bawah perkara 7(1) Perlembagaan dan tidak melepaskan liabiliti jenayah

pemohon dalam kes ini selagi undang-undang yang memperuntukkan kesalahan jenayah adalah sah dan berkuatkuasa dan tidak bercanggah dengan Perlembagaan (lihat perenggan 45–46 & 48).

(4) Memandangkan terdapat dua keputusan Mahkamah Rayuan yang berbeza mengenai isu yang sama berkaitan s 9(5) Akta tersebut, berdasarkan prinsip 'stare decisis' dan 'doctrine judicial precedent', keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Public Prosecutor v Yuneswaran a/l Ramaraj* [2015] 6 MLJ 47 ('Yuneswaran') mengenai isu yang sama mengatasi keputusan terdahulu yang dibuat olehnya dalam kes *Nik Nazmi*. Keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Yuneswaran* berhubung keesahan s 9(5) Akta sebagai tidak ultra vires perkara 10(2)(b) Perlembagaan adalah berkuatkuasa kebelakangan, 'retrospective effects'. Jika Mahkamah Rayuan dalam kes tersebut memutuskan bahawa keputusan yang dibuatnya terpakai untuk kes *Yuneswaran* sahaja dan 'future case' yang telah didaftarkan selepas 1 Oktober 2015, maka keputusan sedemikian hendaklah dinyatakan dalam alasan penghakiman. Memandangkan tiada apa-apa prospektif dibuat, maka pertuduhan terhadap pemohon berkaitan kesalahan yang dilakukan pada 29 Ogos 2015 iaitu sebelum keputusan kes *Yuneswaran* adalah kekal sah dan berpelembagaan (lihat perenggan 54 & 64–65).

(5) Berdasarkan afidavit pemohon, afidavit tambahan pemohon dan afidavit responden, tiada apa-apa notis pemberitahuan perhimpunan yang dikemukakan oleh pemohon untuk diserahkan kepada Ketua Polis Daerah Brickfields seperti pertuduhan yang dikenakan terhadap pemohon dan isu ini juga tidak dihujahkan oleh pihak peguam. Oleh itu, mahkamah berpendapat bahawa pertuduhan terhadap pemohon semestinya melibatkan suatu 'triable issues' yang perlu diadakan suatu perbicaraan di mahkamah sesyen. Justeru, mahkamah tidak dapat menggunakan 'inherent powers' bagi membatalkan pertuduhan dan mahkamah juga tiada apa-apa kuasa untuk menangguhkan pertuduhan dan perbicaraan terhadap pemohon di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur (lihat perenggan 73).

[English summary

The applicant, the Chairman of Bersih 2.0, had organised Bersih 4 in Kuala Lumpur, Kuching and Kota Kinabalu on 28 august 2015 and 30 August 2015. For the purpose of organising it, the police was informed of Bersih 2.0 via a letter dated 10 August 2015 which was addressed to the Inspector General of Police. On 3 November 2015, the applicant was charged at the sessions court under s 9(1) of the Peaceful Assembly Act 2012 ('the Act'), punishable under s 9(5) of the same Act for the offence of organising the assembly in Brickfieds without notifying the district police ten days before the assembly was carried out. Pending the trial, the applicant filed this application and applied to the court to strike out the prosecution and charge against the applicant on the

grounds that on 29 August 2015, s 9(5) of the Act was pronounced illegal, void and unconstitutional and the applicant should not be charged retrospectively on the same grounds. The issues to be determined for the court were: (a) whether the court could set aside and strike out the charge against the applicant and discharge and acquit the applicant from the same; (b) whether the prosecution and the charge against the applicant could be carried out by virtue of the provisions of the law; (c) whether the prosecution and the charged against the applicant under s 9(1) of the Act and punishable under s 9(5) of the Act in contravention with arts 7(1) and 10(2)(b) of the Federal Constitution ('the Constitution'); and (d) whether the charge against the applicant was baseless, mala fide, vexatious, an embarrassment, scandalous and abuse of the court process.

Held, dismissing the application:

(1) Based on s 173(c) of the Criminal Procedure Code ('the CPC'), the court do not have any powers to strike out any criminal charges before trial is initiated or before any evidence is adduced in the court. Furthermore, there are no provisions in the CPC to strike out proceedings or for acquittal without hearing all testimonies. However, in a situation where the court would and could apply its inherent powers to strike out a charge against the applicant if there were legitimate evidence that there was a miscarriage if justice in which the said charges were made mala fide, oppressive and abuse of court process (see paras 16–17 & 23).

(2) Based on the form of charge drafted against the applicant under ss 153 and 154 of the CPC and the prosecutorial powers vested upon the attorney general as the public prosecutor under art 145 of the Constitution, the charge and prosecution's case against the applicant at the sessions court was allegedly not made under the law, was too remote and had no justification (see para 34).

(3) In this case, the Act came into force on 23 April 2013 and the charge against the applicant referred to the criminal act of the applicant on 29 August 2015, which was after the Act came into force. In the circumstances, the date when the statute came into force, must be compared with the date the offence was committed or when the offence was established for the purpose of art 7(1) of the Constitution. The date of the Court of Appeal's decision on the interpretation of law on s 9(5) of the Act was not the yardstick fixed under art 7(1) of the Constitution and did not discharge the criminal liability of the applicant in this case as long as the law that provides the criminal act is valid and in force and not inconsistent with the Constitution (see paras 45–46 & 48).

(4) Since there were two contrasting Court of Appeal decisions on the same issue relating to s 9(5) of the Act, based on the principle of stare decicis and the doctrine of judicial precedent, the decision of the Court of

Appeal in the case *Public Prosecutor v Yuneswaran a/l Ramaraj* [2015] 6 MLJ 47 ('Yuneswaran') on the same issue prevailed against the precedent made by it in the case of *Nik Nazmi*. The decision of the Court of Appeal in the case of *Yuneswaran* relating the validity of s 9(5) of the Act as not ultra vires art 10(2)(b) of the Constitution came into force, retrospectively. If the Court of Appeal in the said case decides that the decision it made applied to the case of *Yuneswaran* only and future cases registered after 1 October 2015, the decision must be expressly made in the grounds of judgment. Since there were no prospective made, the charge against the applicant relating the offence committed on 29 August 2015, which was before the decision in the case of *Yuneswaran*, remains valid and constitutional (see paras 54 & 64–65).

(5) Based on the applicant's affidavit and the respondent's affidavit and additional affidavit, there was no notice of announcement of assembly produced by the applicant to be submitted to the Chief Inspector of Brickfields as per the charge against the applicant and this issue was not contended by the counsel. Therefore, the court was of the opinion that the charge against the applicant involved triable issues which neccesitated a trial in the sessions court. Therefore, the court could not apply its inherent powers to stroke out the charge and the court did not have any powers to stay the charge and the trial against the applicant in the Kuala Lumpur Sessions Court (see para 73).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai keperlembagaan, lihat 3(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 2980–2983.

Untuk kes-kes mengenai permohonan untuk membatalkan pertuduhan, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 1395–1397.

Kes-kes yang dirujuk

Abdillah bin Labo Khan v PP [2002] 3 MLJ 298, MR (dirujuk)
Choo Chang Teik & Anor v PP [1991] 3 MLJ 423, MA (dirujuk)
DPP v Humphrys [1977] AC 1, HL (dirujuk)
Dalip Bhagwan Singh v PP [1998] 1 MLJ 1, MP (diikut)
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP [2010] 6 MLJ 533, MR (dirujuk)
Jason Chan Huan Seng & Ors v PP and other appeals [2015] 1 MLJ 701, MR (dirujuk)
Karpal Singh & Anor v PP [1991] 2 MLJ 544, MA (dirujuk)
Krishnan v PP [1987] 1 MLJ 292, MA (dirujuk)
Long bin Samat & Ors v PP [1974] 2 MLJ 152, MP (dirujuk)
Mamat bin Daud & Ors v Government of Malaysia [1988] 1 MLJ 119, MA (dirujuk)
Nik Nazmi bin Nik Ahmad v PP [2014] 4 MLJ 157, MR (tidak diikut)
PP v Uthaya Kumar a/l Ponnusamy & Ors [2011] 7 MLJ 575, MT (dirujuk)

PP v Yuneswaran a/l Ramaraj [2015] 6 MLJ 47; [2015] 9 CLJ 873, MR (diikut)
PP v Dato Yap Peng [1987] 2 MLJ 311, MA (refd)
PP v Datuk Haji Harun bin Haji Idris [1977] 1 MLJ 14 (dirujuk)
Repco Holdings Bhd v PP [1997] 3 MLJ 681, MT (dirujuk)
Tan Jye Yee & Anor v PP [2014] 6 MLJ 609, MR (dirujuk)
Young v Bristol Aeroplane Co Ltd [1944] KB 718, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Perhimpunan Aman 2012 ss 2, 9(1), 9(4) (5), 10, Jadual 4
Akta Polis 1967 s 27
Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 s 39(2)
Kanun Tatacara Jenayah ss 153, 153(1), 154, 173(c)
Perlembagaan Persekutuan perkara 4(2), 7(1), 10(1)(b) , 10(2)(b) , 145(3)

Ambiga Sreenevasan (Arina Ong Xin Yi bersamanya) (Tan Law Practice) bagi pihak pemohon.
Afzainizam bin Abdul Aziz (Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Mohamad Shariff PK:

LATAR BELAKANG KES

[1] Pada 3 November 2015 pemohon iaitu Maria Chin bt Abdullah telah dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur di bawah s 9(1) Akta Perhimpunan Aman 2012 ('Akta 736') dan dihukum di bawah s 9(5) Akta yang sama.

[2] Walau bagaimanapun pada 11 Disember 2015 di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur yang sama, pihak responden telah mengemukakan pertuduhan pindaan yang mana perkataan 'bersama-sama yang masih bebas' telah dipinda dalam pertuduhan tersebut. Apabila pertuduhan dibacakan semula, pemohon mengaku tidak bersalah dan pohon dibicarakan. Pertuduhan pindaan terhadap pemohon adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 29 Ogos 2015 di antara jam lebih kurang 2 petang hingga 3 petang berhadapan dengan Kompleks membeli belah NU Sentral, Jalan Tun Sambanthan, di dalam daerah Brickfields, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menganjur satu perhimpunan ditempat tersebut dan sebagai penganjur, kamu telah gagal memberi pemberitahuan kepada Ketua Polis Daerah Brickfields tersebut sepuluh hari sebelum perhimpunan tersebut diadakan, oleh yang demikian kamu telah melanggar kehendak Seksyen 9(1) Akta Perhimpunan Aman 2012 dan telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum dibawah seksyen 9(5) Akta yang sama.

[3] Sementara menunggu dibicarakan, pemohon telah memfailkan notis usul yang bertarikh 11 Disember 2015 yang disokong oleh afidavit sokongan oleh pemohon yang bertarikh pada 11 Disember 2015 dan 29 Februari 2016. Dalam masa yang sama, pihak responden telah memfailkan afidavit jawapan bertarikh 3 Februari 2016.

[4] Dalam notis usul pemohon bertarikh 11 Disember 2015, pemohon telah membuat permohonan kepada mahkamah ini untuk memohon perintah-perintah seperti berikut:

(a) bahawa mahkamah yang mulia ini melaksanakan kuasa-kuasanya untuk mengeluarkan suatu perintah supaya pendakwaan dan pertuduhan jenayah terhadap pemohon di dalam kes jenayah Saman No 63–002–10 Tahun 2015 di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur diketepikan ('set aside') dan/atau dibatalkan ('quashed') dan/atau digantung selamanya ('permanently stayed');

(b) susulan dari itu, bahawa mahkamah yang mulai ini memerintahkan agar pemohon dibebaskan dan dilepaskan;

(c) sementara menunggu penyelesaian pendengaran usul ini, perbicaraan kes jenayah Saman No 63–002–10 Tahun 2015 di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur hendaklah digantung atau ditangguhkan sementara menunggu penyelesaian pendengaran usul ini; dan

(d) sebarang perintah-perintah/relief yang selanjutnya difikirkan adil dan suai manfaat.

[5] Dalam menyokong permohonan ini, pemohon telah mengemukakan alasan-alasannya seperti berikut:

(a) pada kesemua masa material termasuk pada tarikh yang dinyatakan di dalam caj terhadap pemohon di dalam Saman No 63–002–10 Tahun 2015 di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, iaitu 29 Ogos 2015, s 9(5) Akta Perhimpunan Aman 2012 telahpun diisytiharkan sebagai batal dan tidak sah serta tidak berperlembagaan;

(b) pemohon tidak boleh dicaj secara retrospektif di bawah s 9(1) Akta Perhimpunan Aman 2012 dan jika disabit kesalahan, dihukum di bawah s 9(5) Akta Perhimpunan Aman 2012 telah pun diisytiharkan sebagai batal dan tidak sah serta tidak berperlembagaan; dan

(c) pendakwaan dan pertuduhan terhadap pemohon adalah mala fide, tidak berasas, tidak sah, satu penyalahgunaan proses mahkamah, mengaibkan, remeh dan atau menyusahkan.

[6] Justeru itu, kesan daripada permohonan pemohon adalah:

(a) memohon kepada mahkamah ini agar mengeluarkan satu perintah untuk membenarkan pertuduhan jenayah terhadap pemohon dibawah s 9(1) Akta Perhimpunan Aman 2012 diketepikan dan terbatal;

(b) memohon perintah mahkamah ini agar pemohon dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan sekiranya permohonan (a) diatas dibenarkan; dan

(c) memohon perintah mahkamah untuk membenarkan kes Saman No 63–002–10 Tahun 2015 dapat ditangguhkan sementara menunggu perlupusan permohonan ini.

PERUNTUKAN STATUT

[7] Pemberitahuan perhimpunan – undang-undang dan hukuman:

(1) Seseorang penganjur hendaklah, sepuluh hari sebelum perhimpunan, memberitahu Pegawai Yang Menjaga Daerah Polis dimana perhimpunan itu hendak diadakan;

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi:

(a) suatu perhimpunan yang diadakan di suatu tempat perhimpunan yang ditetapkan; dan

(b) mana-mana perhimpunan lain yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga;

(3) Jika perhimpunan itu ialah suatu perhimpunan keagamaan atau perarakan pengembumian, penganjur boleh memaklumkan Pegawai yang Menjaga Daerah Polis dimana perhimpunan atau perarakan itu hendak diadakan; dan boleh, jika bantuan diperlukan untuk menyenggarakan kawalan trafik atau orang ramai meminta bantuan demikian;

(4) Pemberitahuan dibawah Subseksyen (1) hendaklah diberikan kepada Pegawai yang Menjaga Daerah Polis dimana perhimpunan itu hendak diadakan secara pos berdaftar Akuan Terima atau kiriman cepat atau dengan serahan tangan; dan

(5) Seseorang yang melanggar Subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebehi sepuluh ribu ringgit.

FAKTA-FAKTA YANG TIDAK DIPERTIKAIKAN

[8] Pemohon merupakan Pengerusi Bersih 2.0 yang menganjurkan perarakan Bersih 4.

[9] Bersih 2.0 telah memaklumkan kepada pihak polis secara bertulis bahawa perarakan Bersih 4 akan diadakan di Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu pada 28 Ogos 2015 dan 30 Ogos 2015 melalui surat bertarikh 10

Ogos 2015 yang dialamatkan kepada Ketua Polis Negara ('IGP') Tan Sri Khalid Abu Bakar. Pihak polis telah akui terima surat tersebut pada 11 Ogos 2015.

[10] Perarakan Bersih 4 telah diadakan secara aman di Kuala Lumpur bagi tempoh 34 jam mulai 29 Ogos 2015 jam 2 petang hingga 30 Ogos 2015 jam 11.59 pagi.

(a) Melalui akhbar *The Star* bertarikh 31 Ogos 2015 bertajuk 'Bersih 4 ends as it began – peacefully', Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Tajuddin Mohd Isa mengesahkan bahawa perarakan Bersih 4 diadakan secara aman dan pemprotes telah menurut segala arahan-arahan yang diberikan; dan

(b) Melalui akhbar *The Malay Mail* bertarikh 31 Ogos 2015, bertajuk 'No infrastructural damage to city', Datuk Bandar Kuala Lumpur selanjutnya menyatakan bahawa Bersih 4 tidak menyebabkan apa-apa kerosakan infrastruktur di bandar.

ISU UTAMA PERMOHONAN

[11] Adalah didapati bahawa pemohon TIDAK memohon kepada mahkamah ini satu perintah untuk memutuskan sama ada s 9(5) Akta Perhimpunan Aman 2012 tetapi *memohon kepada mahkamah ini agar pendakwaan dan pertuduhan terhadap pemohon dibatalkan* atas alasan pada 29 Ogos 2015, s 9(5) Akta Perhimpunan Aman 2012 telah diisytiharkan oleh Mahkamah Rayuan sebagai tidak sah, batal dan tidak berperlembagaan dan *pemohon tidak seharusnya dituduh secara retrospektif* atas alasan yang sama.

PENGHAKIMAN MAHKAMAH RAYUAN

[12] Sebelum mahkamah ini memutuskan isu utama permohonan ini, adalah perlu dilihat penghakiman Mahkamah Rayuan mengenai sama da isu ini atau isu-isu yang berkaitan dan bersampingan dengan isu utama permohonan. Seksyens 9(1) dan 9(5) Akta Perhimpunan Aman 2012 telah dicabar dalam prosiding di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan. Dalam kes *Nik Nazmi bin Nik Ahmad v Public Prosecutor* [2014] 4 MLJ 157, Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa:

... (77) a search through the text of the Federal Constitution reveals that the word 'restriction' is used several times. Articles 67, 111, 112, 127, 135 and 151 impose 'restriction' on the powers of the government, Legislature and Parliament. But there is nothing in these articles that seem to suggest that any breach of these articles by the powers that be should amount to criminal offence ...

... (78) the word 'restriction' in respect of fundamental liberties appears only in arts 9 and 10 of the Federal Constitution, Again, there is nothing express in these

articles that the breach of such 'restrictions' ought to give rise to criminal prosecution or sanction. Therefore, a consistent interpretation would be that the word 'restriction' does not imple the power to criminaliase the breach of any such 'restriction' ...

(81) in my considered view I hold that s 9(5) of the PAA is ultra vires art 10 of the Federal Constitution for having criminalised a breach of the restriction under s 9(1) and is therefore unconstitutional ...

... (141) it is not permissible to read into art 10 to permit for criminalisation of breach of restriction per se more so to restriction which has nothing to do with the assembly per se. That is to say PAA 2012 *gives a right for everyone to assemble whether notice was or was not given*. To criminalise for not giving notive and penalising the organiser in fact has no nexus to 'public order' or 'interest of the security of the Federation' unless the assembly was not peaceful. In crux, s 9(5) must fail under 'reasonable test' as well as the 'proportionality test' as it has no nexus to 'public order', 'security of the Federation' and/or an assembly which was not peaceful ...

Pada ms 177 perenggan 44, mahkamah ini memutuskan seperti berikut:

... Section 9(1) is constitutional but s 9(5) must be held as ultra vires the Federal Constitution and therefore ipso facto null and void ...

[13] Adalah didapati pada 25 April 2014 dalam penghakiman kes *Nik Nazmi*, Mahkamah Rayuan telah sebulat suara memutuskan bahawa s 9(1) Akta Perhimpunan Aman 2012 adalah berperlembagaan tetapi s 9(5) Akta yang sama tidak berperlembagaan memandangkan ianya merupakan suatu sekatan yang tidak munasabah dan menghalang perhimpunan aman tanpa senjata.

[14] Sebaliknya pada 1 October 2015, dalam kes *Public Prosecutor v Yuneswaran a/l Ramaraj* [2015] 6 MLJ 47; [2015] 9 CLJ 873, Mahkamah Rayuan menegaskan bahawa:

(a) the requirement under s 9(1) of the PAA to give notice prior to the exercise of the right to assemble peaceably is *not a restriction* within the meaning of art 10(2) of the Federal Constitution ...

(b) the imposition of criminal sanction under s 9(5) of the PAA for breach of requirement to give notice *is not ultra vires art 10(2)(b) of the Federal Constitution* ... we are of the firm opinion that s 9(5) of the PAA does not run foul of art 10(2)(b) of the Federal Constitution. *Section 9(5) is entirely constitutional, valid and enforceable*. We, therefore with respect depart from the ealier decision and the view taken by this court in *Nik Nazmi* ...

[15] Adalah jelas dalam kes *Yuvaneswaran* ini, Mahkamah Rayuan *memutuskan bahawa ss 9(1) dan 9(5) Akta Perhimpunan Aman 2012 adalah tidak bertentangan dengan perkara 10(2)(b) Perlembagaan Persekutuan. Justeru*

itu peruntukan s 9(5) Akta yang sama adalah berperlembagaan, sah dan boleh berkuatkuasa.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

Dalam memutuskan permohonan pemohon, mahkamah ini perlu untuk menilai persoalan-persoalan berikut iaitu:

(a) bolehkah mahkamah ini mengenepikan dan membatalkan pertuduhan terhadap pemohon dan sekali gus melepaskan dan membebaskan pemohon daripada pertuduhan tersebut?

(b) adakah pemohon didakwa dan dituduh di bawah s 9(1) dan dihukum di bawah s 9(5) Akta Perhimpunan Aman 2012 dilakukan menurut peruntukan undang-undang?

(c) sekiranya pendakwaan dan pertuduhan terhadap pemohon adalah menuruti peruntukan undang-undang, adakah pertuduhan terhadap pemohon di bawah s 9(1) dan dihukum di bawah s 9(5) Akta Perhimpunan Aman 2012 bertengan dengan perkara 7(1) dan 10(2)(b) Perlembagaan Persekutuan? dan

(d) sekiranya pendakwaan dan pertuduhan terhadap pemohon adalah menuruti peruntukan undang-undang dan tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan, adakah pertuduhan tersebut tidak berasas, *mala fide*, remeh, mengaibkan, menyusahkan dan penyalahgunaan proses mahkamah?

ISU PERTAMA

Bolehkah mahkamah ini mengenepikan dan membatalkan pertuduhan terhadap pemohon dan sekali gus melepaskan dan membebaskan pemohon daripada pertuduhan tersebut?

[16] Menurut s 173(c) Kanun Prosedur Jenayah menyatakan:

> ... the court shall proceed to take all such evidence as may be produced in support of the prosecution ...

Dalam peruntukan diatas jelas menunjukkan bahawa dalam setiap prosiding perbicaraan jenayah, pengemukaan semua keterangan-keterangan terhadap pemohon perlulah dibuat sebelum pihak mahkamah membuat apa-apa perintah dan keputusan mengenai sesuatu kes tersebut. Justeru itu secara prinsipnya, mahkamah ini tiada mempunyai apa-apa kuasa untuk membatalkan sebarang pertuduhan-pertuduhan jenayah sebelum perbicaraan dimulakan ataupun sebelum keterangan-keterangan dikemukakan di mahkamah.

[17] Dalam kes *Karpal Singh & Anor v Public Prosecutor* [1991] 2 MLJ 544,

Mahkamah Agung memutuskan bahawa:

> Perhaps it is appropriate that we now pause to consider the constitutional consequences if relying on the English common law concept. Unlike UK, the Constitution of the Federation which is a written law is specifically declared to be the supreme law of the land. Also, it is noted that UK has no Criminal Procedure Code as enacted by our Legislature. For our immediate purpose we wish to refer to art 145(3) of the Constitution which states that the attorney general shall have power, exercisable at his discretion, to institute, conduct or discontinue any proceedings for an offence, other than proseedings before Syariah Court etc ... The discretion vested in the attorney general is unfettered and cannot be challenge and substituted by that of the court's. The reasoning and logic behind such contention's is well illustrated in the cases of *Public Prosecutor v Lee Tian Bau* [1985] 1 MLJ 388, *Long bin Samat and Ors v Public Prosecutor* [1974] 2 MLJ 152, *Public Prosecutor v Datuk Harun bin Haji Idris and Ors* [1976] 2 MLJ 116 and *Poh Choo Ching v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 86. In the circumstances, it is superfluous to reiterate the same points ...
>
> ... In matters like criminal law of purely domestic nature our view is that the court will only exercise its inherent power when there is miscarriage of justice. The court must be very careful that the decision is not in conflict with the intention of the Legislature as indicated in statutory powers. The inherent power apparently cannot be invoked to override an express power or when there is another remedy available. Where the Legislature has provided a particular mode of action or has vested an authority with powers to act in a particular manner and has prescribed the conditions limiting the scope of such action, the court cannot act outside those powers and conditions ...

Di dalam kes ini, adalah jelas menunjukkan tiada terdapat apa-apa peruntukan dalam Kanun Prosedur Jenayah bagi membatalkan prosiding atau bagi pembebasan tanpa mendengar semua keterangan yang akan dikemukakan oleh pihak pendakwaan.

[18] Begitu juga penghakiman Mahkamah Rayuan dalam kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor* [2010] 6 MLJ 533, mahkamah memutuskan bahawa:

> ... upon reference to the Supreme Court it was held that *there was no provision in the Criminal Procedure Code for striking out proceeding or acquittal without hearing all the evidence the prosecution has to offer*. The Supreme Court however held that the High Court may invoke such prerogative powers in rare instances where it is right to do justice to the accused ...

[19] Kedua-dua kes diatas ini adalah bersamaan dan selaras dengan penghakiman keputusan Majlis Privy dalam kes *DPP v Humphrys* [1977] AC 1 (HL) seperti berikut:

> ... A judge must keep out of the arene. He *should not have or appear to have any responsibility for the institution of a prosecution*. The functions of the prosecutors and of judges must not be blurred. If a judge has power to decline to hear a case because

A

> he does not think it should be brought, then it soon may be thought that the cases he allows to proceed are cases brought with his consent or approval ...
>
> If there is the power which my noble and learned friends think there is to stop a prosecution on indictment in limine, it is in my view a power *that should only be exercised in the most exceptional circumstances* ...

B

[20] Sungguhpun demikian, mahkamah ini mendapati walaupun pada prinsip asasnya mahkamah tiada kuasa berbuat demikian, tetapi dalam keadaan-keadaan tertentu dan menyebabkan salah laksana keadilan, mahkamah ini boleh menggunakan kuasa 'inherent power' untuk membatalkan sesuatu pertuduhan tersebut. Merujuk kepada kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor* [2010] 6 MLJ 533, Mahkamah Rayuan menyatakan demikian:

C

D

> ... The Supreme Court however held that the *High Court may invoke such prerogative powers* in rare instances where it is right to do justice to the accused ...

[21] Begitu juga dalam kes *Karpal Singh & Anor v Public Prosecutor* [1991] 2 MLJ 544, Mahkamah Agung menyatakan bahawa:

E

> ... In matters like criminal law of purely domestic nature our view is that *the court will only exercise its inherent power when there is miscarriage of justice*. The court must be very careful that the decision is not in conflict with the intention of the Legislature as indicated in statutory powers ...

F

[22] Dalam kedua-dua kes diatas, mahkamah ini mendapati bahawa, walaupun dalam keadaan yang amat jarang sekali ('rare instances') mahkamah akan dan boleh menggunakan kuasa 'inherent powers' untuk membatalkan sesuatu pertuduhan yang dikenakan terhadap pemohon sekiranya ujud bukti-bukti yang sahih berlakunya suatu 'miscarriage of justice' yang mana pertuduhan-pertuduhan tersebut dibuat secara 'mala fide', 'oppressive' dan 'abuse of court process'.

G

ISU KEDUA

Adakah pemohon didakwa dan dituduh di bawah s 9(1) dan dihukum di bawah s 9(5) Akta Perhimpunan Aman 2012 dilakukan menurut peruntukan undang-undang?

H

[23] Meneliti kepada pertuduhan yang dikenakan terhadap pemohon, adalah didapati pertuduhan tersebut mengandungi butiran-butiran yang berikut iaitu:

I

(a) tarikh kejadian berlaku;

(b) masa kejadian berlaku;

(c) tempat kejadian;

(d) butiran lengkap kejadian atau kesalahan yang dikatakan berlaku;

(e) peruntukan undang-undang kesalahan yang dikatakan berlaku; dan

(f) peruntukan tentang hukuman bagi kesalahan yang dikakakan berlaku.

Adalah jelas bahawa butiran-butiran diatas yang dinyatakan dalam kertas pertuduhan terhadap pemohon dirangka menuruti peruntukan ss 153(1) dan 154 Kanun Prosedur Jenayah:

Seksyen 153(1) Kanun Prosedur Jenayah:

> The charge shall contain such particulars as to the time and place of the alleged offence and the person, against whom or the thing, if any, in respect of which it was committed as are reasonably sufficient to give the accused notice of the matter with which he is charged.

Seksyen 154 Kanun Prosedur Jenayah:

> When the nature of the case is such that the particulars mentioned in sections 152 and 153 do not give the accused sufficient notice of the matterwith which he is charged, the charge shall also contain such particulars of the manner in which the alleged offence was committed as will be sufficient for that purpose.

[24] Melalui pertuduhan yang dikenakan terhadap pemohon, ianya memberikan suatu notis menurut undang-undang agar pemohon menyediakan pembelaan kesnya apabila dibicarakan kelak ataupun berhubung dengan pihak peguam bagi menyediakan pembelaaan kes dalam menghadapi pendakwaan kelak. Di sini, mahkamah mendapati dan secara tegas ingin menyatakan bahawa pemohon tidak didapati bersalah sehingga dibuktikan oleh pihak pendakwaan melampaui suatu keraguan yang munasabah.

[25] Dalam mengingati dan mempertimbangkan fakta-fakta dalam kes pendakwaan, mahkamah ini mengingati diri sendiri kepada prinsip-prinsip yang disenaraikan dahulu dalam kes *Krishnan v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 292 pada ms 295–296 (MA):

> ... it is one of the most basic rule of justice that however heineous a crime person is accused of, whatever the rank of the person who testifies against him, he can only be convicted on evidence produced according to the stringent requirement of law ... but it does not mean that a person accused of the most serious crime to equal protection before the law ... is that his guilt must be proved in accordance with or in a manner required by law. Anything less will be not enough ...

[26] Dalam menilai beberapa isu-isu di atas, mahkamah ini telah merujuk kepada kes *Choo Chang Teik & Anor v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 423:

> ... although it is unfortunate that a guilty party cannot be brought to justice, it is more important that there should not be a miscarriage of justice and the law should be maintained that the prosecution shouldprove its case ...

[27] Dalam kes *Public Prosecutor v Uthaya Kumar a/l Ponnusamy & Ors* [2011] 7 MLJ 575, mahkamah menyatakan:

> the purpose of a change, to my mind is primarily to ensure that a person who is being accused of a criminal offence, is given dur notice of the offence as mentioned in the charge, invariably, in most cases, it defines what the offence is all about. Generally, in doing so, the charge bears out the essential ingredients of the offence contained in the charge and in so doing, the accused is given the earliest legal notice theat his impugned conduct has come to be within the legal sphere of a definite criminal offence ...

[28] Melalui afidavit-afidavit pihak pemohon bertarikh 11 Disember 2015 dan 29 Februari 2016 dan afidavit pihak responden bertarikh 3 Februari 2016, pihak-pihak mendeposkan dalam afidavit-afidavit masing-masing mengenai fakta-fakta kes dan siasatan-siasatan polis yang dijalankan. Mahkamah ini mempercayai bahawa sama ada pihak pemohon adalah benar ataupun pihak pendakwaan adalah benar dalam dakwaan mereka, perkara ini dapat diselesaikan dan diputuskan di mahkamah berdasarkan kepada pembuktian yang dibuat. Justeru itu mahkamah ini berpendapat bahawa wujudnya isu-isu yang perlu melibatkan suatu perbicaraan diadakan ('triable issues'). Mahkamah ini penuh yakin bahawa sekiranya benar dakwaan pihak pendakwaan mengenai pertuduhan terhadap pemohon, pendakwaan wajib membuktikan kes ini melampaui suatu keraguan yang munasabah. Mahkamah ini penuh yakin juga bahawa sekiranya pendakwaan kes ini diteruskan (sekiranya diperintahkan oleh mahkamah untuk berbuat demikian), maka segala bentuk pembuktian akan menuruti segala peruntukan dan prosedur undang-undang jenayah serta hakim yang mendengar kes perbicaraan ini tidak mungkin berat sebelah dan tidak adil kepada suatu pihak sahaja. Mahkamah ini ingin bertanya kepada pemohon: APA YANG PERLU DITAKUTKAN? BIARKAN PENDAKWAAN MEMBUKTIKAN KES MEREKA SEKIRANYA BENAR DAKWAAN ITU ...

[29] Dalam perihal dakwaan ini, mahkamah ini juga ingin menyentuh persoalan: siapakah yang membuat dakwaan terhadap pemohon? Atas kuasa apa pihak ini berbuat demikian? Adakah tindakan dakwaan yang dibuat ini menurut segala peruntukan undang-undang? Menurut perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan:

> Perkara 145 Peguam Negara.
>
> (3) Peguam Negara hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya, untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan, selain prosiding di hadapan mahkamah Syariah, mahkamah anak negeri atau mahkamah tentera.

Fasal (3) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan jelas *memberikan kuasa*

kepada pendakwa raya untuk memulakan sebarang prosiding pertuduhan jenayah.

[30] Di dalam kes *Long bin Samat & Ors v Public Prosecutor* [1974] 2 MLJ 152 di halaman 158 Suffian LP menyatakan seperti berikut:

> On independence the Federal Constitution came into force, and cl (3) of its art 145 (as amended) provided:
>
> The attorney general shall have power exercisable at this discretion, to institute, conduct or discontinue any proceedings for an offence, other than proceedings before a Muslim court, anative court or a court martial.
>
> In our view, this clause from the supreme law clearly gives the attorney general very wide discretion over the control and direction of all criminal prosecutions. Not only *may he institute and conduct any proceedings for an offence, he may also discontinue criminal proceedings that he has instituted, and the courts cannot compel him to institute any criminal proceeding which he does not wish to institute or to go* on with any criminal proceedings which he has decided to discontinue. (For the position in England, please see Viscount Dilhorne's speech at pp 32-33 in *Smedleys Ltd v Breed*). Still less then would the court have power to compel him to enhance a charge when he is content to go on with a charge of a less serious nature.
>
> Anyone who is dissatisfied with the attorney general's decision not to prosecute, or not to go on with a prosecution or his decision to prefer a charge for a less serious offence when there is evidence of a more serious offence which should be tried in a higher court, should seek his remedy elsewhere, but not in the courts.

[31] Berdasarkan kepada pertuduhan yang dihadapi oleh pemohon, ianya merupakan bidang kuasa sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah fasal 3 perkara 145 Perlembagaan Malaysia. Berhubung dengan kuasa pendakwa raya, di dalam kes *Karpal Singh & Anor v Public Prosecutor* [1991] 2 MLJ 544 di ms 548, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan seperti berikut:

> Perhaps it is appropriate that we now ... For our immediate purpose we wish to refer to art 145(3) of the Constitution which states that the attorney general shall have power, exercisable at his discretion, to institute, conduct or discontinue any proceedings for an offence, other than proceedings before Syariah Court etc ... *The discretion vested in the attorney general is unfettered and cannot be challenged* and substituted by that of the court's ... it is superfluous to reiterate the same points.

[32] Mahkamah ini telah merujuk kepada kes *Repco Holdings Bhd v Public Prosecutor* [1997] 3 MLJ 681 Gopal Sri Ram JCA (ketika itu) menyatakan bahawa budi bicara peguam negara tidak boleh disemak melalui proses semakan kehakiman seperti berikut:

> The importance of the propostions formulated by the learned Lord President in these two cases is that, as a matter of public law, the exercise of discretion by the attorney general in the context of art 145(3) is put beyond judicial review. *In other*

word, the exercise by the attorney-general of his discretion, in one way or another, under art 145(3), cannot be questioned in the courts by way of certionrari, declaration or other judicial review proceedings.

I think that the proposition is not only good law but good policy. For, were it otherwise, upon each occasion that the attorney general decides not to institute or conduct or discontinue a particular criminal proceedings, he will be called upon to a ccourt of law the reasons for his decision. It will then be the court and not the attorney general who will be exercising the power under art 145(3). That what surely not the intent on our founding fathers who framed our Constitution for us.

Justeru, mahkamah ini memutuskan bahawa pertuduhan yang dihadapi oleh pemohon, ianya dibenarkan sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah perkara 145(3) Perlembagaan Malaysia.

[33] Berdasarkan kepada bentuk pertuduhan terhadap pemohon diderafkan menurut ss 153 dan 154 Kanun Prosedur Jenayah serta kuasa pendakwaan terletak dibawah kuasa peguam negara selaku pendakwa raya menurut perkara 145 Perlembagaan Persekutuan, *mahkamah ini ingin menegaskan bahawa pertuduhan dan pendakwaan kes terhadap pemohon di mahkamah sesyen dikatakan tidak dibuat menurut undang-undang adalah jauh menyimpang ('too remote') dan tiada justifikasi.*

ISU KETIGA

Sekiranya pendakwaan dan pertuduhan terhadap pemohon adalah menuruti peruntukan undang-undang, adakah pertuduhan terhadap pemohon di bawah s 9(1) dan dihukum di bawah s 9(5) Akta Perhimpunan Aman 2012 bertentangan dengan perkara 7(1) dan 10(2)(b) Perlembagaan Persekutuan?

[34] Sebelum memutuskan isu ini, adalah perlu untuk mahkamah meneliti peruntukan kedua-dua peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan. Perkara 7(1) Perlembagaan Persekutuan:

No person shall be punished for an act or omission which was not punishable by law when it was done or made, *and no person shall suffer greater punishment for an offence than was prescribed by law at the time it was committed* ...

[35] Perkara 10(2)(b) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa:

Article 10 Freedom of Speech, assembly and association

(1) Subject to clauses (2), (3) and (4) –

(a) Every citizen has the right to freedom of speech and expression;

(b) All citizens have the right to assemble peaceably and without arms; and

(c) All citizens have the right to form associations

(2) Parliament may by law imposes

(a) ...

(b) on the right conferred by paragraph (b) of Clause (1), such restrictions as it deems necessary or expedient in the interest of the security of the Federation or any part thereof or public order

(c) ...

[36] Dalam afidavit pemohon, beliau menyatakan bahawa pada masa tersebut, yang mana kesalahan dikatakan berlaku pada 29 Ogos 2015 dalam pertuduhan s 9(5) Akta Perhimpunan Aman 2012, ianya telah diisytiharkan sebagai batal, tidak sah dan tidak berperlembagaan.

[37] Selanjutnya pemohon menyatakan bahawa di atas perkara ini beliau tidak boleh dituduh secara retrospektif dibawah s 9(1) Akta Perhimpunan Aman 2012 yang mana pada masa tersebut s 9(5) Akta Perhimpunan Aman 2012 telahpun diisytiharkan sebagai tidak sah, batal dan tidak berperlembagaan.

[38] Meneliti kepada peruntukan perkara 7(1) di atas, adalah jelas Perlembagaan Persekutuan melarang dikenakan ke atas mana-mana orang bagi perbuatan atau peninggalan yang bukan menjadi kesalahan dibawah mana-mana undang-undang semasa perbuatan atau peninggalan itu dilakukan. Artikel ini turut melarang seseorang itu dihukum dengan hukuman yang lebih berat daripada hukuman yang ditetapkan pada masa perbuatan atau peninggalan itu dilakukan.

[39] Berpandukan fasal 1 perkara 7 Perlembagaaan Persekutuan, mahkamah yang mulia ini perlu menentukan sama ada pada 29 Ogos 2015 adakah perbuatan-perbuatan yang dikatakan dilakukan pemohon dalam pertuduhan pindaan tersebut telah menjadi suatu kesalahan jenayah di bawah mana-mana undang-undang ie Akta Perhimpunan Aman 2012.

[40] Sebelum Akta Perhimpunan Aman 2012 diwujudkan, tiada keperluan untuk mana-mana orang mengemukakan pemberitahuan mengenai suatu perhimpunan dalam tempoh sepuluh hari kepada ketua polis yang menjaga daerah tempat di mana perhimpunan tersebut akan diadakan kecuali lesen hendaklah di pohon kepada Ketua Polis Daerah di bawah s 27 Akta Polis 1967 (ketika itu).

[41] Akta Perhimpunan Aman 2012 adalah suatu Akta yang berhubungan dengan hak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata dan memperuntukkan sekatan-sekatan yang didapati perlu atau suai manfaat berhubungan dengan hak itu demi kepentingan keselamatan persekutuan atau

mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam, termasuk perlindungan hak dan kebebasan orang lain, dan untuk memperuntukkan perkara-perkara yang berkaitan.

[42] Akta Perhimpunan Aman 2012 yang digubal oleh Parlimen di bawah fasal 10(2)(b) perkara Perlembagaan Persekutuan tidak boleh dipersoalkan berdasarkan perkara 4(2) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan seperti berikut:

> (2) The validity of any law shall not be questioned on the ground that –
>
> (a) ... ; or
>
> (b) it imposes which restriction as are mentioned in Article 10(2) but those restrictions were not deemed necessary or expedient by Parliament for the purposes mentioned in that Article.

[43] Akta tersebut digubal bagi membantu individu-individu melaksanakan hak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata yang dijamin di bawah perkara 10(1)(b) Perlembagaan Persekutuan dan bukan bertujuan menghalang hak tersebut. Ini disebut dengan jelas di bawah s 2 iaitu:

> The objects of this Act are to ensure –
>
> (a) so far as it is appropriate do do so, that call citizens have the right to organise assemblies or to participate in assemblies, peaceably and without arms; and
>
> (b) that the exercise of the right to organise assemblies or to participate in assemblies, peaceably and without arms, is subject only to restrictions deemed necessary or expedient in a democratic society in the interest of the security of the Federation or any part thereof or puboic order, including the protection of the rights and freedoms of other persons.

[44] Mahkamah ini menegaskan bahawa Akta tersebut telah mula berkuatkuasa mulai 23 April 2012. Oleh yang demikian mulai daripada tarikh tersebut, s 9(1) Akta Perhimpunan Awam 2012 meletakkan tanggungjawab ke atas pemohon untuk mengemukakan notis pemberitahuan mengenai suatu perhimpunan yang akan diadakan dalam tempoh sepuluh hari, kepada ketua polis yang menjaga daerah tempat suatu perhimpunan diadakan dan kegagalan berbuat demikian adalah suatu kesalahan jenayah di bawah s 9(5).

[45] Dalam kes ini, pertuduhan ke atas pemohon merujuk kepada perbuatan jenayah yang dilakukan pemohon pada 29 Ogos 2015 yang dilakukan selepas Akta tersebut berkuatkuasa dan bukannya sebelum kewujudan Akta. Dalam hal ini, tarikh permulaan kuatkuasa status hendaklah dibandingkan dengan tarikh kesalahan dilakukan atau kesalahan diwujudkan bagi maksud fasal 1 perkara 7 Perlembagaan Persekutuan.

[46] Pertuduhan dan pendakwaan terhadap pemohon akan menjadi tidak sah dan batal kerana berlawanan dengan perkara 7(1) Perlembagaan Persekutuan sekiranya Akta tersebut berkuatkuasa selepas tarikh 29 Ogos 2015 yang dimaksudkan oleh pemohon.

[47] Dakwaan pemohon bahawa beliau tidak boleh dituduh secara retrospektif memandangkan s 9(5) Akta Perhimpunan Aman 2012 telah batal, tidak sah dan tidak berpelembagaan pada 25 April 2014 (berdasarkan tarikh keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Nik Nazmi*) adalah bertentangan dengan nas yang dikemukakan di atas berkaitan prinsip retrospektif criminal laws di bawah perkara 7(1) Perlembagaan Persekutuan. *Tarikh suatu keputusan Mahkamah Rayuan mengenai tafsiran undang-undang terhadap s 9(5) Akta 736 bukan ukuran yang ditetapkan di bawah perkara 7(1) Perlembagaan Persekutuan dan tidak melepaskan liability jenayah pemohon dalam kes in selagi undang-undang yang memperuntukkan kesalahan jenayah adalah sah dan berkuatkuasa dan tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan*.

[48] Selanjutnya, s 9(1) dan s 9(5) Akta Perhimpunan Aman 2012 telah dicabar di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Nik Nazmi bin Nik Ahmad*. Pada 25 April 2014, Mahkamah Rayuan dalam kes *Nik Nazmi bin Nik Ahmad v Public Prosecutor* [2014] 4 MLJ 157 sebulat suara memutuskan s 9(1) Akta 736 adalah berperlembagaan tetapi s 9(5) Akta yang sama tidak berperlembagaan kerana merupakan sekatan yang tidak munasabah dan menghalang perhimpunan aman tanpa senjata. Mahkamah Rayuan menyatakan di ms 177 perenggan 44:

> Section 9(1) is constitutional but s 9(5) must be held as ultra vires the Federal Constitution and therefore ipso facto null and void.

[49] Berpandukan doktrin 'judicial precedent', keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Nik Nazmi* (pada ketika itu) mengenai s 9(5) Akta Perhimpunan Aman 2012 terpakai dalam kes yang sedang berjalan di peringkat mahkamah rendah dan rayuan di peringkat Mahkamah Tinggi.

[50] Dalam kedua-dua kes tersebut, walaupun, keputusan Mahkamah Rayuan dibuat pada 25 April 2014 berpandukan doktrin 'stare decisis' keputusan tersebut terpakai dan mengikat ke atas semua kes di bawah s 9(5) Akta tersebut sama ada kes yang sedang berlangsung 'pending cases' dan kes-kes akan datang 'future cases'. Akibat keputusan *Nik Nazmi*, selepas 25 April 2014, tiada kesalahan jenayah bagi mana-mana orang yang gagal mematuhi s 9(1) Akta Perhimpunan Aman 2012 jika mana-mana penganjur gagal memberitahu dalam tempoh sepuluh hari kepada pegawai polis yang menjaga daerah di mana suatu perhimpunan akan diadakan dalam daerah polis tersebut. Walau bagaimanapun, keperluan mengemukakan notis dalam tempoh sepuluh hari kepada ketua polis yang menjaga daerah polis di bawah s

9(1) Akta tersebut masih berkuatkuasa dan tidak terjejas kecuali pelanggaran kepada s 9(1) Akta tersebut bukan lagi menjadi kesalahan jenayah.

[51] Mahkamah Rayuan dalam kes *Yuneswaran Ramaraj* di ms 901 perenggan 85 dan 86 alasan penghakiman memutuskan:

> We are of the firm opinion that s 9(5) of the PAA does not run fould of art 10(2)(b) of the Federal Constitution. Section 9(5) is entirely constitutional, valid and enforceable. We, therefore with respect depart from the earlier decision and the view taken by this Court in *Nik Nazmi*.

[52] Oleh yang demikian, keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Yuneswaran Ramaraj* adalah 'correct statement of law' mengenai kedudukan s 9(5) Akta tersebut di bawah Perlembagaan Persekutuan.

[53] Memandangkan terdapat dua keputusan Mahkamah Rayuan yang berbeza mengenai isu yang sama berkaitan s 9(5) Akta tersebut, mahkamah ini berpendapat bahawa keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Yuneswaran* mengenai isu yang sama mengatasi keputusan terdahulu yang dibuat olehnya.

[54] Mahkamah ini ingin merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Dalip Bhagwan Singh v Public Prosecutor* [1998] 1 MLJ 1 yang memberi petunjuk dan panduan kepada mahkamah ini dan mahkamah rendah mengenai keputusan yang harus diikuti. Antara isu dalam kes *Dalip Bhagwan Singh* di Mahkamah Persekutuan adakah sama ada 'appellate court can refuse to apply with or without assigning any reason, the latest decision of the Supreme Court on a point of law and adopt an earlier decision of the Fedral Court'. Mahkamah Persekutuan dalam penghakiman memutuskan:

> If the House of Lords, and by analogy, the Federal Court, departs from its previous decision when it is right do do so in the circumstances set out above, then also by necessary implication, its decision represents the present state of law. *When two decisions of the Federal Court conflict on a point of law, the later decision therefore, for the same reasons, prevails over the earlier decision.*

[55] Prinsip yang diputuskan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Dalip* adalah berpandukan keputusan dalam kes *Young v Bristol Aeroplane Co Ltd* [1944] KB 718. Dalam kes tersebut, Mahkamah Rayuan memutuskan di ms 729–730:

> the Court of Appeal is bound to follow its own decision. The only exceptions to this rule are:
>
> (1) If there is a conflicting decision, the court is entitle and bound to decide which of two conflicting decisions of its own it will follow;

(2) The court is bound to refuse to follow a decision of its own which though not expressly overulled, cannot, in its opinion stand with a decision of the House of Lord; and

(3) The court is not bound to follow a decision of its own it it is satisfied that the decision was given per incuriam.

[56] Mahkamah ini mengambil pendekatan bahawa *keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes Yuneswaran Ramaraj merupakan kedudukan terkini undang-undang berkaitan s 9(5) Akta Perhimpunan Aman 2012 dan berkuatkuasa sepenuhnya kerana ia menyentuh mengenai keperlembagaan s 9(5) Akta Perhimpunan Aman 2012 dan bukannya mengenai kesan kuatkuasa kebelakangan suatu statut atau pindaan undang-undang yang bersifat procedural atau substantif yang menjejaskan hak-hak tertuduh (rujuk Public Prosecutor v Datuk Haji Harun bin Haji Idris* [1977] 1 MLJ 14).

[57] Secara amnya keputusan yang dibuat mahkamah mempunyai kesan kuatkuasa ke belakang. Mahkamah Rayuan dalam kes *Abdillah bin Labo Khan v Public Prosecutor* [2002] 3 MLJ 298 di ms 304 menyatakan:

> It is a fundamental principle of adjudicative jurisprudence that all judgments of a court are retrospective in effect ...

[58] *Apabila melibatkan pengisytiharan ketidaksahan undang-undang bertulis yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan, pengisytiharan yang dibuat tersebut mempunyai kesan kuatkuasa ke belakang tidak perlu dinyatakan dalam suatu penghakiman.* Mahkamah Tinggi dalam kes *Repco Holdings Bhd v Public Prosecutor* [1997] 3 MLJ 681, Gopal Sri Ram JCA sebagai hakim Mahkamah Tinggi menyatakan seperti yang berikut:

> Now, as a general rule, the declaration of invalidity of a written law on the grounds that it runs foul of the Federal Constitution has retrospective effect ...

[59] *Kecuali, apabila mahkamah mengkehendaki keputusan yang dibuat berkaitan ketidakperlembagaan 'unconstitutionality' suatu undang-undang hendaklah berkuatkuasa ke hadapan berdasarkan 'doctrine of prospective overruling' keputusan tersebut hendaklah dinyatakan dalam alasan penghakiman. Jika tidak, maka keputusan tersebut kekal berkuatkuasa kebelakangan.*

[60] Dalam kes *Dato' Yap Peng* Mahkamah Agung menghuraikan maksud 'doctrine of prospective overulling' di ms 320 perenggan sebelah kanan B-1 dan di ms 321 perenggan sebelah kiri A-F seperti yang berikut:

> I would accordingly declare that s 418A is in violation of the provisions of art 121(1) and therefore unconstitutional and void under the provisions of art 4(1). The deputy submits that any such pronouncement will create chaos as the section in

question has been resorted to an trials held in the High Court as a result. The section has indeed been implemented and convictions and qcquittals secured as a result over a span of some eleven years in view of the decision in the *Hong Kong Bank* case, and it will therefore be necessary in these circumstances to apply the doctrine of prospective overulling in this case.

The general principle of retrospective of a judicial declaration of invalidity of a law was overturned by the Supreme Court of the United States of America in *Linkletter v Walker* (1965) 382 US 618 (at p 628) when it devised the doctrine of prospective overruling in the constitutional sphere in 1965 as a practical solution for alleciating the inconveniences which would result from its decision declaring a law to be unconstitutional, after overruling its previous decision upholding its constitutionality.

This doctrine was applied by the Supreme Court of India in *L C Golak Nath v State Punjab and Another* AIR 1967 SC 1643 (at pp 1666–1669). The doctrine – to the effect that when a statute is held to be unconstitutional, after overruling a long-standing current of decisions to the countrary, the court will not give retrospective effect to the declaration of unconstitutionality so as to set aside proceedings of convictions or acquittals which had taken place under that statute prior to the date of the judgment which declared it to be unconstitutional, and convictions or acquittals secured as a result of the application of the impugned statute previously will accordingly not be disturbed – can be applied by the Supreme Court as the highest court of the country in a matter arising under the Constitution to give such retroactive effect to its decision as it thinks fit to be moulded in accordance with the justice ot the cause or matter before it – to be adhibited however with circumspection and as an exceptional measure in the light of the circumstances under consideration.

In England this doctrine has been recognized by the House of Lords by necessary implication in the *Practice Statement (Judicial Precedent)* Vol 123 DLR (Third) 554 issued by Lord Garduber LC on behalf of himself and the Lords of Appeal in Ordinary on July 26, 1966. More recently, in *Jones v Secretary of State for Social Services* [1972] AC 944, two judges of the House of Lords, Lord Diplock (at p 1015) and Lord Simon of Glaisdale (at p 1026) were prepared to consider the application of the American doctrine of prospective overruling to England. In *Choice Investments Ltd v Jeromnimon* [1981] 2 WLR 80 Lord Denning MR in his judgment in the English Court of Appeal (at p 84) accepted the subsistence and application of the doctrine.

In *Defrenne v Sabena* [1981] 1 All ER 122, the Court of Justice of the European Communities applied the doctrine of prospective overruling predicated on conditions of legal certainly which required the court, as an exceptional measure, to declare the law for the future only.

At the conclusion of argument on March 19, 1987, the court accordingly by a majority (Tun Mohamed Salleh Abbas LP, and Tan Sri Hashim Yeop A Sani SCJ dissenting) declared s 418A to be unconstitutional and void as being an infringement of the provisions of art 121(1) and applied the doctrine of prospective overruling so as not to give retrospective effect to the declaration made with the result that the proceedings of convictions or acquittals which had taken place under

that section prior to the date of our judgment in this matter would remain undisturbed and not be affected, and the appeal was dismissed on this basis. A

[61] Dalam kes *Mamat bin Daud & Ors v Government of Malaysia* [1988] 1 MLJ 119, ms 126, Mahkamah Agung memutuskan: B

... For reasons discussed, we allow the first two orders sought in the suit, viz (1) a declaration that s 298A of the Penal Code is a law with respect to a matter with respect to which Parliament has no power to make law, and (2) a declaration that s 298A of the Penal Code is invalid and therefore null and void and of no effect. On the basis of the application before us, this ruling shall not apply to the Federal Territories of Kuala Lumpur and Labuan. We also order that this ruling should take effect from the date of this order, namely, October 13, 1987. C

[62] Dalam kes *Repco Holdings Bhd v Public Prosecutor* [1997] 3 MLJ 681 berpandukan dua kes tersebut telah memutuskan bahawa s 39(2) Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 secara keseluruhannya menyalahi perkara 145(3) Perlembagaan dan tidak konsisten dengan Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah memutuskan di ms 691 perenggan H-1 dan ms 692 perenggan A-B iaitu: D

Now, as a general rule, the declaration of invalidity of a written law on the grounds that it runs foul of the Federal Constitution has retrospective effect. But the court is fully authorised, having regard to public interest, to make a prospective declaration so as not to render invalid convictions entered and proceedings already concluded before the challenge is taken on the ground on unconstitutionality. E

In my judgment, it will be a manifest injustice of tender a retrospective ruling on the invalidity of the two impugned subsections. The declaration as to invalidity I now shall, therefore, be prospective only and shall include only this case and cases registered from today. In doing so, I act on the authority of the Supreme Court's decision in *Public Prosecutor v Dato Yap Peng* and *Mamat bin Daud v Government of Malaysia*. Accordingly, the ruling that I have just pronounced shall take effect from 2 October 1997. F G

[63] *Mahkamah ini mendapati bahawa keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes Public Prosecutor v Yuneswaran Ramaraj berhubung kesahan s 9(5) Akta 736 sebagai tidak ultra vires perkara 10(2)(b) Perlembagaan Persekutuan adalah berkuatkuasa ke belakangan 'retrospective effects' konsisten dengan nas-nas yang dirujuk di atas.* Jika Mahkamah Rayuan dalam kes *Yuneswaran memutuskan keputusan yang dibuatnya terpakai untuk kes Yuneswaran sahaja dan 'future cases' yang telah didaftarkan selepas 1 Oktober 2015 maka, keputusan sedemikian hendaklah dinyatakan dalam alasan penghakiman* sebagaimana yang diputuskan dalam kes *Dato' Yap Peng, Repco Holdings Bhd* dan *Mamat bin Daud*. Memandangkan tiada sebarang prospektif dibuat, maka pertuduhan terhadap pemohon berkaitan kesalahan yang dilakukan pada 29 Ogos 2015 H I

iaitu sebelum keputusan *Yuneswaran Ramaraj* adalah kekal sah dan berperlembagaan.

[64] Justeru itu *mahkamah ini berpendapat bahawa keputusan Yuneswaran Ramaraj tersebut mengikat mahkamah yang mulia ini dan mahkamah tidak seharusnya memilih kes Nik Nazmi sebagai autoriti yang sah* berpandukan prinsip *stare decisis* dalam *Dalip Singh*. Mahkamah yang mulia ini perlu berpegang dan patuh kepada doktrin 'judicial precedent' demi keutuhan undang-undang. Mahkamah Rayuan dalam *Tan Jye Yee & Anor v Public Prosecutor* [2014] 6 MLJ 609, *ms 619 perenggan 21 H-1 dan ms 619 perenggan A-B* menegaskan kepentingan 'doctrine stare decisis' seperti beikut:

> The importance of the doctrine of stare decisis had been enunciated in a number of cases. We will only refer to one of them. In *Dato Tan Heng Chew v Tan Kim Hor* [2006] 1 CLJ 577, steve Shim CJ (Sabah & Sarawak) said:
>
> [3] Judicial hierarchy must be observed in the interests of finality and certainly in the law and for orderly development of legal rules as well as for the courts and lawyers to regulate their affairs. Failure to observe judicial precedents would create chaos and misapprehensions in the judicial system. This fact was certainly borne in mind by the Court of Appeal in *Periasamy s/o Sinnapan and Anor v Public Prosecutor* [1996] 2 MLJ 557 wherein Gopal Sri Ram JCA said:
>
> > We may add that it does not augur well for judicial discipline when a High Court judge treats the decision of the Supreme Court with little or no respect in disobedience to the well-entranched doctrine of stare decisis. We trust that the occasion will never arise again when we have to remind High Court judges that they are bound by all judgments of this court and of the Federal Court and they must, despite any misgivings as a judge may entertain as to the correctness of a particular judgment of either court, apply the law as stated therein.

[65] Dalam kes yang lain, Mahkamah Rayuan juga mengulangi perkara yang sama dalam kes *Jason Chan Huan Seng & Ors v Public Prosecutor and other appeals* [2015] 1 MLJ 701, ms 712 di mana Mahkamah Rayuan memutuskan:

> In the first place, it is very important to keep in mind that the doctrine of stare decisis dictates that as a matter of a general rule of great importance the Court of Appeal is bound to follow a decision of its own save in three main exceptions. This principle is firmly embedded in our administration of justice system and can be seen in the case of *Dalip Bhagawan Singh v Public Prosecutor* [1998] 1 MLJ 1. In delivering the judgement of the Federal Court, Peh Swee Chin FCJ said:
>
> > The doctrine of stare decisis of the rule of *judicial precedent* dictates that a court other than the highest court is obliged generally to follow the decisions of the courts at a higher or the same level in the court structure subject to certain exceptions affecting especially the Court of appeal.
> >
> > The said exceptions are as decided in *Young v Bristol Aeroplane Co Ltd* [1944] KB 718. The part of the decision in *Young v Bristol* in regard to the said exceptions to the rule of *judicial precedent* ought to be accepted by us as part of the common

law applicable by virtue of Civil Law Act 1956 vide its s 3.

To recap, the relevant ratio decidendi in *Young v Bristol Aeroplane* is that there are three exceptions to the general rule that the Court of Appeal is bound by its own decisions or by decision of courts of co-ordinate jurisdiction such as the Court of Exchequer Chamber.

The three exceptions are *first*, a decision of Court of Appeal given per incuriam need not be followed; *secondly* when faced with a conflict of past decisions of Court of Appeal, or a court of co-ordinate jurisdiction, it may choose which to follow irrespective of whether either of the conflicting decisions is an earlier case or a later one; *thirdly* it ought not to follow its own previous decisions when it is expressly or by necessary implication, overruled by the House of Lords, or it cannot stand with a decision of the House of Lords. There are of course further possible exception in addition to the three exceptions in Young v Bristol Aeroplane when there may be cases the circumstances of which cry out for such new exceptions so long as they are not inconsistent with the three exceptions in *Young v Bristol Aeroplane*.

[7] The doctrine of stare decisis was held by the Federl Court in the case of *Metramac Corp Sdn Bhd (formerly) known as Syarikat Teratai KG Sdn Bhd v Fawziah Holdings Sdn Bhd* [2006] 4 MLJ 113, to be a fundamental rule of common law.

[66] Justeru itu, berdasarkan kepada perkara-perkara yang dinyatakan diatas, *mahkamah ini mengambil pendekatan bahawa kes Public Prosecutor v Yuneswaran a/l Ramaraj* [2015] 6 MLJ 47; [2015] 9 CLJ 873 *merupakan undang-undang terkini yang terpakai yang mana s 9(5) Akta Perhimpunan Aman 2012 tidak bertentangan dengan peruntukan art 10(2)(b) Perlembagaan Persekutuan dan mempunyai kesan kebelakangan ('retrospective effect')*.

ISU KEEMPAT

Sekiranya pendakwaan dan pertuduhan terhadap pemohon adalah menuruti peruntukan undang-undang dan tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan, adakah pertuduhan tersebut tidak berasas, mala fide, remeh, mengaibkan, menyusahkan dan penyalahgunaan proses mahkamah.

[67] Pihak pemohon telah menyatakan dalam permohonan notis usulnya bahawa pertuduhan dan pendakwaan kes terhadapnya haruslah dibatalkan atas alasan tuduhan tersebut tidak berasas, tidak sah, *mala fide*, remeh, menyusahkan dan mengaibkan. Mahkamah ini dalam mengkaji persoalan ini telah merujuk kepada afidavit tambahan yang diikrarkan oleh pemohon pada 29 Mac 2016. Dalam perenggan (4) afidavit tersebut, pemohon telah menyatakan bahawa melalui surat bertarikh 10 Ogos 2015 telah menghantar makluman kepada Ketua Polis Negara Bukit Aman, Tan Sri Khalid Abu Bakar mengenai hasrat untuk mengadakan satu perhimpunan aman pada 29 Ogos dan 30 Ogos 2015 di tiga tempat yang berasingan iaitu di Dataran Merdeka,

Kota Kinabalu dan Kuching. Dalam surat pemohon juga dinyatakan kesediaan mereka untuk mengadakan perbincangan secara terperinci mengenai keselamatan dan juga aliran trafik pada hari tersebut. Surat tersebut telah diterima oleh pihak ketua polis negara pada 11 Ogos 2015. Pemohon selanjutnya telah menyatakan bahawa pada 12 Ogos 2015, beliau telah menerima satu surat balasan daripada setiausaha PDRM yang memaklumkan kepada pemohon bahawa pemohon sebagai pihak penganjur bagi perhimpunan Bersih 4 perlu untuk mengambil tindakan-tindakan berikut:

(a) memberikan surat 'pemberitahuan perhimpunan' kepada ketiga-tiga ketua polis daerah itu memandangkan perhimpunan Bersih 4 akan diadakan diadakan di tiga tempat yang berlainan, iaitu Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching; dan

(b) memberikan satu salinan 'Persetujuan pemunya tempat perhimpunan'.

[68] Lanjutan daripada ini, pemohon dalam afidavitnya menegaskan bahawa pada 13 Ogos 2015, beliau bersama-sama dengan peguamnya dan seorang AJK Bersih 2.0 telah menghadiri satu perjumpaan dengan ACP Zainol Samah, Ketua Polis Daerah Dang Wangi untuk menyerahkan satu notis bertulis bagi memaklumkan tentang hasrat mereka untuk menganjurkan perhimpunan Bersih 4 di Dataran Merdeka pada 29 Ogos sehingga 30 Ogos 2015. Sungguhpun begitu hasrat mereka untuk menyerahkan notis tersebut tiada kesampaian kerana Ketua Polis Daerah Dang Wangi telah enggan untuk mengakui terima notis tersebut. Mahkamah ini dapat menerima alasan pihak polis tidak mahu menerima surat tersebut kerana ianya bukanlah satu notis yang dikehendaki dalam s 10 dan borang di dalam Jadual Keempat Akta Perhimpunan Aman 2012. Bukan setakat memberikan surat kepada pihak polis, tetapi dalam afidavit pemohon menyatakan bahawa pada 17 Ogos 2015 beliau telah cuba untuk membuat serahan tangan sesalinan borang pemberitahuan perhimpunan dibawah s 9(1) Akta Perhimpunan Aman 2012 yang telah dilengkapkan dengan butiran-butiran kepada Ketua Polis Daerah Dang Wangi tetapi telah enggan untuk mengakui terima borang pemberitahuan perhimpunan tersebut. Lanjutan daripada ini, pihak pemohon dan seorang ahli jawatankuasa Bersih 2.0 telah menghadiri perjumpaan kali kedua dengan Ketua Polis Daerah Dang Wangi dan sekali telah cuba untuk menyampaikan dengan serahan tangan surat pemberitahuan perhimpunan kepada Ketua Polis Daerah Dang Wangi tetapi telah enggan untuk menerimanya. Dalam meneliti afidavit pemohon ini, mahkamah ini juga mendapati tiada apa-apa afidavit balasan (sekiranya ada) difailkan oleh pihak responden. *Dengan ketiadaan afidavit balasan pihak responden untuk menyangkal segala dakwaaan atau fakta yang dibentangkan, mahkamah ini beranggapan bahawa segala fakta-fakta yang dibentangkan oleh pemohon dalam afidavit tambahan tersebut mempunyai meritnya. Justeru itu, mahkamah ini mengambil maklum bahawa wujudnya fakta kebenaran dalam afidavit tersebut*. Sekiranya begitu, wujud dua persoalan mengenai perkara ini:

(a) Adakah cara penyampaian pihak pemohon mengenai kehendak pemberitahuan perhimpunan menurut ss 9(1) dan 10 serta Jadual Keempat Akta Perhimpunan Aman 2012 menurut peruntukan undang-undang?

Meneliti kepada peruntukan s 9(4) Akta Perhimpunan Aman 2012 yang menyatakan.

> Pemberitahuan dibawah subseksyen (1) hendaklah diberikan kepada Pegawai Yang Menjaga Daerah Polis dimana perhimpunan itu hendak diadakan secara pos berdaftar Akuan Terima atau kiriman cepat atau dengan serahan tangan.

[69] Melalui fakta-fakta dalam afidavit adalah jelas tindakan pihak pemohon untuk menyampaikan bukan sahaja surat tetapi pemberitahuan perhimpunan melalui serahan tangan kepada Ketua Polis Daerah Dang Wangi, tetapi telah enggan untuk mengakui terimanya. Persoalannya pasal apa ketua polis ini tidak mahu mengakui terima pemberitahuan ini? Dalam Akta Perhimpunan Aman 2012 ini, mahkamah ini tidak menemui apa-apa peruntukan tentang keengganan untuk menerima pemberitahuan tersebut. Walau bagaimanapun, menurut pandangan mahkamah, tindakan lain boleh juga diambil terhadap Ketua Polis Daerah Dang Wangi kerana keengganannya untuk menerima pemberitahuan tersebut.

(b) Sekiranya begitu, pemberitahuan perhimpunan bertarikh 17 Ogos 2015 dan hendak disampaikan pemohon kepada Ketua Polis Daerah Dang Wangi pada hari tersebut, adakah ianya dibuat dalam tempoh sepuluh hari sebelum tarikh perhimpunan dilaksanakan?

Dalam afidavit responden juga tidak menyangkal bahawa tarikh perhimpunan Bersih 4 adalah pada 29 dan 30 Ogos 2015. Sekiranya tindakan penyampaian pemberitahuan perhimpunan bertarikh 17 Ogos 2015 dan dilakukan pada 17 Ogos 2015, mahkamah ini mendapati bahawa tempoh tersebut tidak bercanggah dengan peruntukan undang-undang dan dalam tempoh sepuluh hari yang dibenarkan. Kalaulah sebegitu, perbuatan pemohon yang dilakukan dalam tempoh tersebut, tidak boleh dikatakan telah melakukan suatu kesalahan. *Mahkamah ini mendapati bahawa pemberitahuan perhimpunan bertarikh 17 Ogos 2015 yang cuba disampaikan oleh pemohon pada 17 Ogos 2015 adalah mematuhi s 9(1) Akta Perhimpunan Aman 2012. PERSOALAN DALAM KES INI ADALAH SAMADA PEMOHON ADA MEMBERIKAN ATAU TIDAK ADA MEMBERIKAN APA-APA PEMBERITAHUAN PERHIMPUNAN SEPULUH HARI SEBELUM PERHIMPUNAN TERSEBUT DIADAKAN? Oleh yang demikian, mahkamah ini mendapati bahawa sekiranya ada, pertuduhan yang dikenakan terhadap pemohon bagi suatu perhimpunan yang diadakan di Dataran Merdeka yang mana notis pemberitahuan perhimpunan itu perlu diserahkan kepada Ketua Polis Daerah Dang Wangi, maka pertuduhan tersebut adalah tidak berasas sama sekali dan tidak mempunyai sebarang merit.*

(c) Apakah tuduhan sebenar yang dikenakan terhadap pemohon dan adakah pemohon telah mematuhi peruntukan notis pemberitahuan selama sepuluh hari sebelum penganjuran diadakan?

Pada ms 2 penghakiman ini, adalah didapati bahawa tuduhan terhadap pemohon ('OKT') adalah begini:

(a) menganjurkan suatu perhimpunan berhadapan dengan Kompleks membeli-belah, NU Sentral, Jalan Tun Sambanthans, Brickfields; dan

(b) adakah apa-apa notis pemberitahuan perhimpunan diberikan kepada Ketua Polis Daerah Brickfields?

Sungguhpun dalam afidavit tambahan pemohon, beliau menegaskan bahawa tiada apa-apa kesalahan dilakukan oleh pemohon bagi notis pemberitahuan perhimpunan yang perlu disampaikan kepada Ketua Polis Daerah Dang Wangi, yang mana mahkamah ini telah memutuskan ianya adalah menuruti peruntukan undang-undang, tetapi mahkamah ini tiada menemui apa-apa notis pemberitahuan perhimpunan ada dikeluarkan untuk diserahkan kepada Ketua Polis Daerah Brickfields seperti pertuduhan yang dikenakan terhadap pemohon. Mahkamah ini telah berulang-ulang kali meneliti afidavit pemohon, termasuk juga afidavit tambahan yang difailkan, tetapi tiada mendapati apa-apa jua mengenai perkara ini. Selanjutnya mahkamah ini juga mendapati dalam afidavit pihak responden yang diikrarkan pada 15 April 2015 di para 6, jelas menunjukkan bahawa pihak pemohon tidak pernah mengemukakan notis pemberitahuan dalam tempoh sepuluh hari kepada Ketua Polis Daerah Brickfields mengenai perhimpunan yang akan diadakan pada 29 Ogos 2015 diantara jam lebih kurang 2 petang hingga 3 petang berhadapan dengan kompleks membeli-belah, NU Sentral, Jalan Tun Sambanthan, Brickfields sebagaimana yang ditetapkan menurut s 9(1) Akta Perhimpunan Aman 2012. Walau bagaimanapun, mahkamah ini tidak mendapati isu ini dinyatakan dalam mana-mana afidavit pihak pemohon mahupun dihujahkan oleh pihak peguam. Oleh yang demikian, adalah menjadi pandangan *mahkamah ini bahawa pertuduhan yang dikenakan terhadap pemohon semestinya melibatkan suatu 'triable issues' yang perlu diadakan suatu perbicaran di mahkamah sesyen kelak.*

Justeru itu, mahkamah ini tiada pilihan lain dan tidak dapat menggunakan kuasa 'inherent powers' bagi membatalkan pertuduhan terhadap pemohon di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur. Mahkamah ini jua tiada apa-apa kuasa untuk menangguhkan pertuduhan dan perbicaraan terhadap pemohon di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

KEPUTUSAN AKHIR MAHKAMAH

Berdasarkan kepada hujahan-hujahan yang dikemukakan dan perkara-perkara yang dinyatakan diatas, mahkamah ini ingin menyatakan pendirian seperti berikut:

(a) mahkamah ini memerintahkan agar pendakwaan dan pertuduhan terhadap pemohon dalam kes jenayah Saman No 63–002–10 Tahun 2015 di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur diteruskan dan tidak dapat diketepikan dan/atau dibatalkan;

(b) mahkamah ini tiada jua apa-apa kuasa untuk memerintahkan agar pemohon dilepaskan dan dibebaskan daripada apa-apa pertuduhan diperingkat ini; dan

(c) mahkamah ini juga tidak dapat mengarahkan agar prosiding perbicaraan kes ini terhadap pemohon ditangguh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

Oleh yang demikian, diatas alasan-alasan yang dibahaskan, mahkamah ini mendapati bahawa permohonan pemohon tidak mempunyai sebarang merit dan justifikasi. Justeru itu permohonan pemohon seharusnya di tolak.

Mahkamah ini merasakan adalah adil, wajar dan saksama setelah mempertimbangkan segala sudut prinsip undang-undang yang berkaitan dan alasan-alasan yang telah dinyatakan diatas. Mahkamah ini merakamkan ucapan terima kasih kepada DPP dan pihak-pihak terlibat di atas kerjasama yang diberikan dalam melupuskan kes ini.

Permohonan ditolak.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar